

PELUANG UNTUK MEMENANGI BAUCAR HABIB JEWELS BERNILAI SEHINGGA RM8,000

TEMPOH PROMOSI

“Peluang Untuk Memenangi Baucar Habib Jewels Bernilai sehingga RM8,000 (“Peraduan”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (689191-W) (“HLISB”) bermula pada 30 Mei 2018 dan berakhir pada 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Peraduan adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Peraduan terbuka kepada seluruh pelanggan individu HLISB warga Malaysia yang baharu dan sedia ada yang merupakan Pemegang Akaun Utama CASA-i, termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pelanggan”).

Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai apa-apa CASA-i sedia ada dengan HLISB sebelum tempoh promosi dan membuka CASA-i baharu dengan Bank semasa tempoh promosi.

2. Peraduan **TIDAK** terbuka kepada Pelanggan bukan warga Malaysia dan pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
3. CASA-i sertaan bagi Peraduan ini adalah seperti berikut:

Akaun Tawarruq CASA-i sertaan (“CASA-i” Sertaan)

- (a) Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong
- (b) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong
- (c) Akaun Simpanan-i Hong Leong
- (d) Akaun Hong Leong Pay&Save-i
- (e) Akaun Semasa One-i Hong Leong
- (f) Akaun Simpanan Junior-i Hong Leong
- (g) Akaun Junior-i 3-in-1 Hong Leong

KAEDAH PERADUAN

4. Hadiah Peraduan (“Hadiah”) dan bilangan pemenang (“Pemenang”) seperti di bawah:

Kategori	Bilangan Pemenang	Baucar Habib Jewels
Hadiah Utama	1	RM8,000
Hadiah Khas	10	RM800
Hadiah Sagu Hati	80	RM100

5. Untuk mendapat penyertaan dalam Peraduan ini, Pelanggan MESTILAH memenuhi salah satu Kriteria Peraduan seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah (“Pelanggan Layak”) semasa Tempoh Peraduan sebagai syarat memenangi Hadiah Utama, Hadiah Khas atau Hadiah Sagu Hati (secara kolektif disebut “Hadiah”).
6. Pemegang Akaun CASA-i Sertaan (“Pelanggan Layak”) sahaja boleh mengambil bahagian dalam penyertaan peraduan dan berpeluang memenangi hadiah baucar Habib Jewels dan berhak menerima bilangan penyertaan peraduan yang tidak terhad, asalkan memenuhi kriteria peraduan yang ditetapkan di bawah ini :

Jadual A

Bil.	Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
1.	Membuka akaun CASA-i Sertaan baharu dengan deposit minimum RM500	2
2.	Mendeposit amaan minimum RM500 ke dalam CASA-I Sertaan yang sedia ada	2

Jadual B (Penyertaan Peraduan Tambahan)

Kriteria Peraduan	Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan Tambahan
1.	Mendaftar diri untuk HL Connect	1
2.	Mendaftar diri untuk Online SI	1
3.	Perbelanjaan minimum RM30 dengan Kad Debit-i Hong Leong dalam satu resit	1
4.	Peletakan Deposit Tetap-i Promo baharu dengan deposit minimum RM10,000	1

7. Untuk membolehkan Pelanggan Layak memperoleh Penyertaan Peraduan tambahan, Pelanggan Layak mestilah menyempurnakan salah satu Kriteria Peraduan dalam **Jadual A** di atas **DAN** salah satu Kriteria dalam **Jadual B**.
8. Bagi tujuan Peraduan ini, deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu ditakrif sebagai :
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam CASA-i sertaan; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Peraduan yang didepositkan semula ke dalam CASA-i sertaan
9. Yang berikut tidak dianggap sebagai "Dana Baharu":
 - (a) FD/FD-i/GIA yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i/GIA sedia ada
 - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada CASA/CASA-I, FD/FD-i/GIA Hong Leong Bank (HLB)/HLISB yang lain; dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
10. Transaksi Kad Debit-i bagi tujuan seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 6 di atas hendaklah termasuk belian di tempat jualan, pembelian dalam talian, pengebilan automatik dan belian di tempat jualan luar negara tetapi tidak termasuk transaksi berikut:
 - (a) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit-i; dan
 - (c) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai yang dikenakan oleh HLISB.
11. Pembelian dalam talian bermaksud apa-apa transaksi runcit dalam talian yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau mata wang asing. Transaksi runcit dalam talian yang dilakukan dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLISB pada masa transaksi.
12. HLISB akan menjalani Penyertaan Peraduan Pelanggan Layak secara automatik setelah berakhir Tempoh Peraduan berdasarkan jumlah transaksi mengikut pemenuhan kriteria Peraduan semasa Tempoh Peraduan, yang disiarkan dan dipaparkan dalam sistem HLISB. Borang penyertaan Peraduan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.

13. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, penyertaan Peraduan yang diperoleh bagi setiap Akaun Sertaan dianggap berasing dan tidak boleh dikumpulkan untuk mengira jumlah penyertaan Peraduan yang diperoleh semasa Tempoh Peraduan.
14. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Debit-i, transaksi Kad Debit-i bagi setiap Kad Debit-i dianggap berasing dan tidak boleh dikumpulkan untuk menjumlahkan transaksi Kad Debit-i Peserta Layak.
15. CASA-I Sertaan Pelanggan Layak mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sehingga 30 September 2018 bagi tujuan pemenuhan Hadiah. Sekiranya CASA-I Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa antara 30 Mei 2018 hingga 30 September 2018, maka Pelanggan Layak akan terlucut kelayakannya daripada menerima Hadiah.

PEMILIHAN DAN PEMENUHAN PEMENANG PERADUAN

16. **Tiga Ratus (300)** Pelanggan Layak dipilih secara rambang dan disenarai pendek selepas berakhirnya Tempoh Promosi untuk pemilihan pemenang Hadiah Utama, Hadiah Khas dan Hadiah Sagu Hati (“Peserta Disenarai Pendek”) seperti tertera di bawah:

Hadih	Bilangan Peserta Disenarai Pendek
Hadih Utama	50
Hadih Khas	100
Hadih Sagu Hati	150
Jumlah	300

17. Peserta Disenarai Pendek akan dihubungi oleh HLISB atau Pengurus Peraduan lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Peserta Disenarai Pendek seperti dipaparkan dalam sistem HLISB SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawab untuk menjawab **dua (2)** soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
18. Jika Peserta Disenarai Pendek gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** dering atas apa jua sebab sekalipun, Peserta Disenarai Pendek itu dianggap telah terlepas peluang menang dan HLISB atau Dynamic Search mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Peserta Disenarai Pendek jika perlu.
19. Peserta Disenarai Pendek tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada dia Pemenang Hadiah Peraduan sebaik sahaja selesai sesi Soal Jawab itu.
20. Hanya **Sembilan Puluh Satu (91)** sahaja Peserta Disenarai Pendek yang menjawab DUA (2) soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas akan dianggap sebagai pemenang (secara kolektif disebut “Pemenang”).
21. Sekiranya berlaku seri iaitu lebih daripada satu (1) Peserta Disenarai Pendek yang berjaya menjawab dengan betul dalam rangka masa terpantas, maka Peserta Disenarai Pendek yang mempunyai Deposit Tambahan yang tertinggi sepanjang Tempoh Peraduan akan diisyiharkan sebagai Pemenang (sama ada Hadiah Utama, Hadiah Khas atau Hadiah Sagu Hati).
22. Deposit Tambahan ditakrif sebagai Baki Purata Harian (“DAB”) Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Peraduan, tolak baki penutup pada 29 Mei 2018. Bagi Akaun Sertaan baharu yang dibuka semasa Tempoh Peraduan, asas pengiraan Deposit Tambahan ialah Ringgit Malaysia sifar (RM0).
 - (a) Akaun Sertaan sedia ada yang dibuka sebelum 29 Mei 2018

$$DAB = \underline{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan}} \\ \underline{\text{32 hari}}$$

Deposit Tambahan = DAB – Baki penutup pada 29 Mei 2018.
 - (b) Akaun Sertaan baharu dibuka semasa Tempoh Peraduan

DAB = Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan sejak dibuka
Bilangan hari Tempoh Peraduan sejak dibuka

Deposit Tambahan = DAB

23. Pemenang Hadiah Peraduan akan diberitahu oleh HLISB sama ada melalui surat, panggilan telefon, SMS, dengan cara menyiarkan nama Pemenang dalam laman web HLISB di www.hlisb.com.my atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB tidak lewat daripada 30 September 2018 ("Tarikh Pengumuman Pemenang").
24. Peserta Disenarai Pendek yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada Bank selewat-lewatnya 30 September 2018 dianggap BUKAN Pemenang.
25. Pemenang Peraduan bertanggungjawab mengambil Hadiah masing-masing daripada cawangan asal Bank berkenaan dalam masa satu (1) bulan dari Tarikh Pengumuman Pemenang, jika tidak; Hadiah itu akan dilupuskan.
26. Pemenang yang berhak menerima Hadiah adalah bertanggungjawab memberitahu HLISB melalui surat tidak lewat daripada 20 Oktober 2018 jika tidak menerima Hadiah, jika gagal berbuat demikian, mereka dianggap telah menerima Hadiah daripada HLISB dan sebarang permintaan bayaran ganti Hadiah tersebut tidak akan dilayani.
27. HLISB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan, kerosakan atau kecurian Hadiah dan Hadiah yang tidak dituntut itu akan dilupuskan selepas 30 Oktober 2018.
28. Peserta Disenarai Pendek dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLISB mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat mereka kepada Dynamic Search bagi tujuan pemilihan Pemenang Peraduan.
29. Pemenang juga dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan HLISB mendedahkan atau menyiarkan nama, Nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan.
30. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

PEMBERIAN PESERTA TERAWAL

31. Pelanggan Layak yang telah memenuhi syarat amaun deposit seperti ditetapkan di bawah dengan tempoh peruntuk selama empat (4) bulan berturut-turut dari tempoh promosi adalah berhak menerima pemberian peserta terawal ("Pemberian"), seperti berikut, dihadkan kepada satu (1) pemberian bagi setiap kategori pemberian tanpa mengira jumlah amaun deposit yang diletakkan dalam CASA-i Sertaan atas dasar siapa cepat dia dapat;

Bil	Pemberian Peserta Terawal	Amaun Peruntuk Minimum (RM)	Jumlah Penguntukan Pemberian (unit)
1.	Set Bekas Makanan 5 biji Glasslock	16,888	100
2.	Set Ketuhar 2 biji Glasslock	10,888	150
3.	Set Minuman 3 biji Glasslock	8,888	400
4.	Set Kanister Blok 3 biji Glasslock	5,888	500
5.	Bekas 3 Biji Easy Lock	2,000	834
6.	Set Alat Tulis	200	1,668

32. Pelanggan Layak akan diberitahu oleh HLISB sama ada melalui surat, panggilan telefon, atau penyiaran senarai Pelanggan Layak tidak lewat daripada 30 November 2018 ("Tarikh Pemberitahuan") supaya datang mengambil Pemberian Peserta Terawal daripada cawangan asal Bank.
33. Pelanggan Layak bertanggungjawab mengambil Pemberian Peserta Terawal daripada cawangan asal Bank berkenaan dalam masa **satu (1)** bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, Pemberian Peserta Terawal akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan oleh Peserta Layak apabila luputnya tarikh akhir yang disebutkan tadi.
34. Pemberitahuan akan dikeluarkan sekiranya mana-mana atau kesemua Pemberian Peserta Terawal kehabisan stok dengan cara menyiarkannya dalam laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("Laman Web HLISB").

35. HLISB tidak akan dipertanggungjawabkan sama sekali jika Pemberian Peserta Terawal itu hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk mendapat Pemberian gantian tidak akan dilayani oleh HLISB.

UMUM

36. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:

- (i) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
- (ii) Bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong dan Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang dikenakan oleh HLISB dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
- (iii) Bersetuju bahawa HLISB tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Pemberian/Hadiah. Pelanggan hendaklah atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri berurus terus dengan syarikat penyedia dan/atau pembuat bagi segala maklumat waranti berhubung dengan Pemberian/.Hadiah itu;
- (iv) Bersetuju bahawa Pemberian/Hadiah yang dipaparkan bersama dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLISB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Pemberian/Hadiah dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian Pemberian/Hadiah itu;
- (v) Bersetuju bahawa Pemberian/Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang;
- (vi) Bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi dan Pemberian/Hadiah adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad dan sebarang surat-menyuirat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayani;
- (vii) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Peraduan dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.

37. HLISB berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Pemberian/Hadiah dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLISB;
- (ii) menukar, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Pemberian/Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
- (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLISB atas budi bicara mutlaknya daripada menerima Hadiah itu;

38. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

39. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya

Akaun Semasa-i/Simpanan-i dan Deposit Tetap-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).